

Ogos
2023

Dipinasi Kewujudanmu

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknp.gov.my

AL - FATIHAH - TAKZIAH KEPADA ALLAHYARHAM DATO' SRI JOHARI BIN HARUN



Takziah diucapkan kepada seluruh Ahli Keluarga Allahyarham Dato' Sri Johari bin Harun, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang.

Semoga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan mereka yang beriman.

Ikhlas daripada,
Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan serta Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP

PKNP RANGKUL NAIB JOHAN PERBARISAN DAN PERARAKAN HARI KEBANGSAAN KE - 66 PERINGKAT NEGERI PAHANG



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar memberikan tabik hormat kepada kontinjen PKNP

Kuantan, 31 Ogos - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) merangkul Naib Johan Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan ke - 66 Peringkat Negeri Pahang 2023 yang diadakan di Padang Kamunting, Kuantan pada hari ini.

Membawa tema Perpaduan Merentas Zaman, barisan anggota pekerja PKNP seramai 37 orang menggayaikan pelbagai busana Melayu klasik, aneka pakaian pelbagai kaum dan pakaian mengikut profesion kerjaya.

Kontinjen perbarisan Hari Kemerdekaan PKNP kali ini diketuai oleh Kapten Azis bin Muhammad, Pengurus Bahagian Pembangunan Hartanah PKNP. Kejayaan pada hari ini adalah yang terbaik dalam sejarah penyertaan PKNP dalam perbarisan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Pahang.



Sijil kemenangan diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN KE - 66



Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) ingin mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk menghayati erti sebenar kemerdekaan, menghargai nikmat keamanan dan menjaga perpaduan yang diperjuangkan sejak turun - temurun. Selari dengan tema Hari Kebangsaan pada tahun ini iaitu Malaysia Madani : Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan. Konsep Malaysia Madani berasaskan sikap saling hormat menghormati, meraikan kepelbagaiannya dan menjadi medan dialog peradaban. Malah, konsep ini merupakan satu simbolik penyatuan rakyat Malaysia agar menghargai detik keamanan, kemerdekaan serta kebebasan yang dinikmati sehingga ke hari ini.

Dedikasi ini untuk perjuangan hebat negarawan dan pejuang - pejuang tanah air demi sebuah kemerdekaan di tanah bertuah ini.

Selamat Hari Kebangsaan ke - 66!

Ikhlas daripada, Pengurus, Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP

LAWATAN KE TAPAK PERLOMBONGAN MILIK PKNP DI KUALA LIPIS



PKNP juga mempunyai tapak perlombongan bijih besi di Bukit Ibam, Rompin dan Bukit Batu, Kuantan

Kuala Lipis, 3 Ogos - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah mengadakan lawatan ke tapak perlombongan bijih besi milik PKNP di Sg. Temau, Kuala Lipis.

Tapak perlombongan yang diusahakan oleh syarikat MO Sungai Temau Sdn Bhd berkeluasan 663 hektar ini telah mula beroperasi sejak tahun 2020.

Delegasi PKNP juga diberikan taklimat oleh pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) berhubung potensi dan pengurusan mineral Nadir Bumi di tapak perlombongan tersebut.

Lawatan ini turut disertai oleh Ahli Lembaga Pengarah PKNP Minerals Sdn Bhd, Puan Suliyati binti Abdul Rahman dan Pengurus Pemantauan Perniagaan, Encik Rahmat bin Hussin.



Taklimat mengenai potensi dan pengurusan mineral Nadir Bumi oleh wakil UMP

lensaPKNP
PHOTOGRAPHY

LATIHAN PASUKAN BOLA JARING PKNP 2023



LATIHAN PERSEDIAAN MISI PENDAKIAN GUNUNG TAPIS





LATIHAN PERBARISAN HARI KEMERDEKAAN PKNP KALI KE - 66 PERINGKAT NEGERI PAHANG



PERBARISAN HARI KEMERDEKAAN PKNP KALI KE - 66 PERINGKAT NEGERI PAHANG



Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

JURUFOTO
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar